

'Dr M cuba jatuhkan PM'

Nazri sedia tampil sebagai pendekar Umno untuk bela parti

Oleh Ahmad Naim Tahir
dan Shamsul Kamal Amarudin

KUALA KANGSAR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz menganggap tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad yang berterusan mengkritik pemimpin dan kerajaan bertujuan mahu menghancurkan parti dan menjatuhkan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kalau dia terus juga bagi hancur parti kita, dia mahu lihat Umno hancur, lihat presiden turun, saya akan tampil ke hadapan sebagai pendekar Umno untuk membela

parti kita. Marah la, saya tak kira," katanya berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno Bahagian Padang Rengas di Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong, Kati di sini, semalam.

Nazri yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno mempertikaikan kenyataan bekas Perdana Menteri itu bahawa beliau tidak berniat memecah-belahkan Umno.

"Macam mana Umno tidak berpecah. Hari ini pun orang tanya siapa yang betul (Tun atau Pak Lah). Itu pun sudah (dikira) berpecah-belah. Macam mana dia kata tak pecah (belah)," katanya.

Beliau juga menyifatkan kritikan Dr Mahathir sebagai cabaran paling besar dihadapi Umno dan kerajaan ketika ini.

"Pas tidak bersuara, Keadilan tidak bersuara, DAP tidak bersuara tetapi pembangkang yang paling kuat pada hari ini yang mahu melihat Perdana Menteri kita jatuh dan turun ialah bekas presiden kita. Jadi macam mana?" katanya.

Nazri yang juga Ketua Umno Bahagian Padang Rengas berkata, walaupun Dr Mahathir bebas mengkritik kepimpinan kerajaan tetapi melukukannya di depan ahli parti pembangkang adalah pendekatan yang salah.

Beliau berkata, berikutan itu, pada masa depan ahli Umno tentu sukar disiplinkan jika tindak tanduk Dr Mahathir itu dijadikan teladan.

"Jika ahli lain berbuat seperti bekas Perdana Menteri yang turut menghadiri forum pembangkang, sudah tentu mereka diberi surat tunjuk sebab dan dipecat daripada parti," katanya.

Katanya, atas dasar menghormati Dr Mahathir, beliau dan pemimpin Umno lain tidak meminta bekas Perdana Menteri itu dipecat daripada parti walaupun apa yang

“Pas tidak bersuara, Keadilan tidak bersuara, DAP tidak bersuara tetapi pembangkang yang paling kuat pada hari ini yang mahu melihat Perdana Menteri kita jatuh dan turun ialah bekas presiden kita. Jadi macam mana?**”**

Sokongan kepada PM bukan secara buta tuli: Najib

DARI MUKA 1

dilakukannya sekarang adalah menyalahi peraturan parti.

"Saya fikir dia (Dr Mahathir) melakukan perkara ini kerana tahu sudah melakukan banyak kesilapan dan berharap mendapat simpati. Dalam usaha mendapat simpati, saya fikir dia mahu dipecat daripada parti," katanya.

Nazri berkata, Dr Mahathir seolah-olah memiliki keahlian istimewa dalam Umno menyebabkannya kebal daripada sebarang tindakan disiplin walaupun tindakan beliau ketika ini mirip kepada perlakuan parti pembangkang.

"Dr Mahathir mendapat keahlian itu kerana ahli Umno amat hormat kepadanya. Kelihatan sekarang terdapat satu bentuk keahlian baru, keahlian istimewa yang bermaksud apabila kita sudah melakukan perkara yang baik terhadap parti, kita boleh 'menghentamnya' balik... Tak apa," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir tidak boleh mendakwa bertindak berseendirian mengkritik kerajaan kerana beliau sudah memegang tampuk pemerintahan negara selama 22 tahun.

Sementara itu, di **SEREMBAN**; Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, menjelaskan sokongan kuat ahli kepada Perdana Menteri bukan secara membuta tuli atau diminta berbuat demikian, sebaliknya atas faktor keyakinan dan kepercayaan.

Beliau berkata, ahli Umno mempunyai keyakinan menebal terhadap kepemimpinan Abdullah serta segala yang dirancang pemimpin berkenaan untuk negara serta parti.

"Kita bukan sokong buta tuli atau diminta menyokong... saya fikir sokongan atas dasar itu tidak akan kekal, sebaliknya sokongan kita kerana yakin kepada Perdana Menteri serta segala perancangannya untuk negara dan parti.

"Sebab itu, rata-rata pemimpin pada peringkat Pusat, Majlis Tertinggi (MT) Umno dan pengerusi Umno negeri menaruh kepercayaan dan menyokong penuh Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Rembau di Pusat Dakwah Islamiah Paroi, dekat sini semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan yang juga Ketua Umno bahagian serta Naib Ketua Pemuda Umno merangkap Ketua Pemuda Rembau, Khairy Jamaluddin.

Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau melihat Umno masih kukuh dan kemungkinan berlaku perpecahan akibat pelbagai kritikan oleh pihak tertentu adalah tipis jika semua pemimpin dan ahli bersatu.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau mengulangi jaminannya untuk taat dan setia serta sentiasa membantu Perdana Menteri menguruskan negara dan parti, terutama dalam menghadapi kemelut politik sekarang.

Najib juga meminta semua pihak tidak terlalu cepat menilai Abdullah yang baru dua setengah tahun menerajui negara, sebaliknya memberikan beliau tempoh masa tertentu.

"Saya kira memang tidak adil kita menilai atau mahu melihat hasil hanya dalam dua setengah tahun... saya lihat apa yang dirancang Perdana Menteri dalam RMK-9 amat baik dan penting untuk masa depan negara," katanya.

Katanya, kerajaan tidak mempunyai masa untuk melayan kritikan daripada pihak yang kecewa dalam perjuangan kerana perlu memberi tumpuan kepada misi nasional membangunkan negara serta bangsa Melayu.